

## **PEMAKAIAN ELEMEN REALITI SEMASA (*WAQ'I*) DALAM FATWA BERKAITAN NON MUSLIM DI MALAYSIA : ANALISIS ISU TERPILIH**

**Khairul Azhar bin Meerangani**

Pensyarah Kanan

Jabatan Syariah, Akademi Pengajian Islam Kolej Universiti Islam Melaka.

*khairulazhar@kuim.edu.my*

**Rushdi bin Ramli**

Pensyarah Kanan

Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya

*sufism@um.edu.my*

### **ABSTRAK**

Secara umumnya, fatwa menyerlahkan maklumat tentang masalah yang mungkin berkaitan dengan undang-undang syarak yang diberi kuasa oleh mufti yang biasanya tidak terikat dengan penguatkuasaan undang-undang. Sekiranya komposisi masyarakat Malaysia terdiri daripada banyak etnik dan agama, maka perlunya fatwa tertentu untuk menyerlahkan isu-isu yang berkaitan dengan hubungan antara Muslim dan *non-Islam* yang berhasil daripada interaksi luas di antara kumpulan-kumpulan tersebut. Oleh itu, penyelidikan perlu dilakukan untuk meneliti penggunaan unsur kontemporari (*waq'i*) sambil menegaskan fatwa yang berkaitan dengan isu-isu terpilih dengan menganalisis kandungan fatwa tentang penggunaan kalimah Allah dalam Kitab Injil, penaungan *non-Muslim* dalam masjid dan amalan undang-undang peguam non-Muslim sebagai peguam Syarie'. Warta fatwa mengenai isu-isu terpilih adalah selaras dengan kesesuaian realiti semasa Malaysia.

**Kata Kunci:** Fatwa, Mufti, Waq'i, *Non-Muslim*

## **APPLICATION OF CURRENT REALITY ELEMENT (WAQ'I) IN FATWA RELATING TO NON-MUSLIM IN MALAYSIA: ANALYSIS OF SELECTED ISSUES**

### **ABSTRACT**

Fatwa generally highlight information on feasible problem in relation of law of syarak authorized by mufti which normally did not becomes binding on its legal enforcement. In the event of Malaysian society composition comprising of numerous ethnic and religion, thus necessities certain fatwa to highlight issues relating to relationship between Muslim and non Muslim resulting from wide spread interaction among those group. Thus, research has to be made to scrutinize the application of contemporary (waq'i) element while establishing fatwa relating to selected issues by analyzing contains of fatwa about usage of Allah word in Bible, patronage of non Muslim onto the mosque and legal practice of non Muslim lawyer as syarie practitioner. Fatwa gazetted of those selected issues was be inline with suitability of Malaysian current realities.

**Keywords:** Fatwa, Mufti, Waq'i, Non Muslim

### **PENGENALAN**

Islam merupakan agama yang lengkap dalam membahaskan setiap aspek yang berkaitan dengan keperluan dan kelakuan manusia sebagai subjek hukum. Menariknya, perbahasan ini bukan sahaja berkaitan golongan Muslim semata-mata bahkan turut mencakupi persoalan dan hubungan dengan golongan non Muslim. Malaysia sebagai sebuah negara yang memiliki kepelbagaiannya bangsa dan agama turut mempermudah interaksi meluas antara kedua-dua golongan ini, Muslim dan non Muslim dalam kehidupan seharian. Maka, sudah pasti wujudnya beberapa isu berkaitan mereka yang perlu kepada penetapan hukum daripada mereka yang berautoriti bagi memandu umat Islam supaya tidak melanggarkan batasan yang ditetapkan syarak. Majlis Fatwa Kebangsaan merupakan badan yang mempunyai autoriti tertinggi di peringkat nasional yang ditugaskan untuk mengkaji dan mengeluarkan panduan hukum berhubung segala isu yang berkaitan dengan umat Islam di Malaysia. Menerusi pemerhatian terhadap senarai fatwa yang dikeluarkan, kita mendapati bahawa terdapat pelbagai isu berkaitan non Muslim serta hubungannya dengan Muslim telah dibahaskan.

Secara ringkasnya, isu tersebut dapat dibahagikan kepada empat bidang yang utama iaitu akidah, ekonomi dan muamalat, perkahwinan dan pewarisan

serta sosial dan perundangan.<sup>18</sup> Namun, kajian ini hanya akan meneliti kandungan fatwa yang berkaitan dengan tiga isu iaitu penggunaan kalimah Allah oleh non Muslim, lawatan non Muslim ke dalam masjid serta keterlibatan non Muslim sebagai peguam Syarie di Malaysia. Penelitian dibuat berdasarkan aspek penyelarasan kandungan fatwa tersebut dengan realiti semasa masyarakat Malaysia. Hal ini kerana aspek realiti semasa ini memainkan peranan yang penting dalam memastikan fatwa yang diwartakan bersifat relevan serta mampu merungkaikan polemik yang timbul dalam masyarakat.

## Fatwa dan Realiti Semasa

Secara umumnya fatwa bermaksud suatu penjelasan mengenai masalah-masalah berkaitan hukum syarak namun tidak dibincangkan secara terperinci di dalam kitab-kitab fiqh serta pada kebiasaannya tidak bersifat mengikat. Hal ini bermakna fatwa pada dasarnya tidak mempunyai kuasa dari sudut perundangan di mana sebarang keingkaran kepada hukumnya tidak menjustifikasi sebarang kesan. Meskipun wujud usaha untuk menjadikan pewartaan sesuatu fatwa itu mengikat sebarang keputusan mahkamah, namun secara amalananya pentafsiran sesuatu undang-undang itu masih lagi terletak di tangan pihak mahkamah menjadikan sesuatu fatwa itu kekal kedudukannya sebagai keterangan hukum semata-mata.<sup>19</sup>

Fatwa pada kebiasaannya dikembangkan menerusi dua format utama. Format pertama dengan menerangkan permasalahan hukum yang jelas terdapat perbahasannya dalam dua sumber hukum yang utama iaitu nas al-Quran dan al-Sunnah sementara yang kedua pula dengan menerangkan hukum berdasarkan kepada ijтиhad iaitu bagi masalah yang perbahasan hukumnya tidak dinyatakan secara jelas dalam nas-nas yang disebutkan.

Secara realitinya fatwa dari jenis yang pertama jarang menghadapi masalah. Ini adalah disebabkan kewujudan banyak sumber rujukan hukum berupa kitab tafsir al-Quran dan syarah al-Hadis muktabar yang telah dibukukan serta memiliki autoriti yang tinggi. Kesukaran biasanya hanya didapati dalam format yang kedua iaitu fatwa-fatwa yang berdasarkan kepada ijтиhad di mana format ini menghendaki penelitian yang cukup cermat terhadap nas-nas syarak serta penyesuaianya dengan realiti umat Islam dan masalah semasa disebabkan masih terdapat unsur kesamaran pada nas yang membahaskannya.<sup>20</sup>

<sup>18</sup> Rumaizi bin Ahmad (2017), "Isu-Isu berkaitan Masyarakat Bukan Islam dalam Fatwa di Malaysia," dalam *Fiqh Masyarakat Bukan Islam di Malaysia*, ed. Abdul Karim Ali dan Rumaizi Ahmad, Shah Alam: Imtiyaz Multimedia & Publication, 178.

<sup>19</sup> Ahmad Hidayat Buang (2002), "Analisis Fatwa-Fatwa Semasa Syariah di Malaysia," *Jurnal Syariah* 10/1 : 39-40.

<sup>20</sup> Mahmood Zuhdi Ab Majid (2004), "Fatwa dan Isu Semasa: Masalah dan Cabaran di Malaysia," *Jurnal Syariah* 12/2 : 81-82.

Di Malaysia, ruang yang lebih terbuka disediakan dalam perbahasan hukum dan pengeluaran fatwa. Walaupun metodologi penetapan hukum berdasarkan mazhab Syāfi’ī masih lagi dijadikan keutamaan, namun penggunaan metodologi dan hukum daripada mazhab lain masih dibenarkan sekiranya ia didapati lebih meraikan *maslahah* yang berkaitan dengan permasalahan semasa. Hal ini dapat dilihat dengan lebih jelas seperti mana yang terkandung dalam enakmen undang-undang Islam setiap negeri (kecuali Perlis) yang menyebutkan perkara yang hampir sama iaitu semasa mengeluarkan atau mengesahkan apa juu perkara di bawah peruntukan hukum Islam, maka para mufti perlu melazimkan diri dengan pandangan-pandangan yang muktamad dalam mazhab Syāfi’ī. Namun sekiranya dengan mengikut pandangan tersebut dikhuatiri membawa kepada keadaan yang menjelaskan kepentingan awam, maka para mufti diharuskan beralih kepada pandangan muktamad dalam mazhab Ḥanafī, Mālikī atau Ḥanbalī. Jika mufti berpandangan bahawa tiada satu pun pandangan muktamad daripada keempat-empat mazhab meraikan kepentingan awam, maka pada ketika itu mufti boleh menyelesaikan permasalahan itu mengikut ijihadnya sendiri tanpa perlu terikat dengan ketetapan daripada kesemua mazhab tersebut.<sup>21</sup>

Selain itu, para mufti juga diberi kuasa untuk membuat sebarang perubahan dan pindaan terhadap fatwa yang pernah dikeluarkan sebelum itu. Pindaan, pengubahsuaian mahupun pembatalan sesuatu fatwa itu hendaklah diiktiraf sebagai fatwa. Dari peruntukan yang disebutkan menggambarkan dengan jelas bahawa tidak terdapat kekangan yang rigid untuk menerima pandangan yang sesuai dan munasabah serta boleh mendatangkan kemaslahatan kepada masyarakat awam walaupun ia di luar dari pandangan muktamad Syafi’ī.<sup>22</sup>

Hal ini memperlihatkan bahawa elemen meraikan realiti semasa merupakan antara aspek yang diberi perhatian dalam penetapan sebarang hukum yang berkaitan dengan permasalahan masyarakat di Malaysia. Realiti semasa disebut juga sebagai *al-Waq’ī* ataupun *al-Nāzilah* (peristiwa) merupakan suatu pengistilahan yang telah tersedia wujud dalam karya-karya para ulama namun telah kembali diperbahaskan perinciannya oleh beberapa ulama kontemporari mutakhir ini. *Al-Waq’ī* boleh diertikan sebagai suatu keadaan atau situasi yang berlaku dalam kehidupan sesuatu masyarakat yang melibatkan pelbagai bentuk yang berbeza merangkumi cara hidup, adat, uruf serta peristiwa dan perkara-perkara yang baru.<sup>23</sup>

<sup>21</sup> Sila lihat Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam Terengganu 12/1986 seksyen 26(1) dan Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam Sabah 13/1992 seksyen 40(1).

<sup>22</sup> Sila lihat Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak Negeri Sembilan 1/1991 seksyen 32(1), Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang 7/1993, seksyen 38(1) dan Enakmen Pentadbiran Agama Islam Perak 2/1992, seksyen 36(1).

<sup>23</sup> Abd al-Majid al-Najār (1989), *Fī Fiqh al-Tadyīn Fahman wa Tanzīlan*, t.t.p: Dar Akhbar al-Yaum, 111.

Fiqh *al-Waq’ī* pula ialah kemampuan memahami dan menggarap hukum-hukum Allah yang terdapat di dalam al-Quran dan al-Hadis serta mengaplikasikan hukum-hakam tersebut di dalam realiti kehidupan masyarakat tersebut tanpa mengabaikan peranan elemen *maslahah* yang merupakan objektif utama Syariah Islam.<sup>24</sup>

Walaupun elemen semasa ini merupakan antara faktor yang mampu mempengaruhi proses penjelasan dan penetapan hukum-hukum Islam, namun elemen ini tetap perlu berpandukan beberapa prinsip bagi memastikan pemakaianya tidak bersifat terlalu bebas dan longgar sehingga membawa kepada penyelewengan maksud dan tuntutan asal nas-nas syarak itu sendiri. Antara prinsip yang boleh dijadikan panduan dalam pemakaian elemen ini adalah :

Pemakaianya bukan bertujuan *Tabrīr al-Waq’ī* iaitu menyesuaikan nas-nas syarak semata-mata dalam bentuk/pendekatan yang bertujuan untuk menghalalkan realiti dan permasalahan semasa yang wujud. Elemen “semasa” ini, sebaliknya, lebih bertindak sebagai faktor penjelas bagi memandu para mufti dalam menetapkan hukum-hakam yang paling sesuai dalam meraikan kepentingan masyarakat awam tanpa terkeluar daripada batasan yang dibenarkan syarak.<sup>25</sup> Penggunaannya juga hanyalah terhad kepada nas-nas yang bersifat *zonnī* sahaja, iaitu nas-nas yang termasuk dalam kategori yang boleh diijtihadkan.

Mengutamakan prinsip menolak kemudaratan dan menjaga serta memberi kemaslahatan kepada masyarakat. Ini adalah kerana setiap hukum yang disyariatkan di dalam Islam, sebagaimana yang dijelaskan oleh para ulama Usul, bertujuan untuk merealisasikan maslahah dan manfaat yang nyata bagi menjamin keselamatan dan kesejahteraan hidup mereka di dunia dan di akhirat.<sup>26</sup> Maka, kesan daripada penggunaan elemen semasa ini pada akhirnya akan menjustifikasi objektif tersebut. Namun begitu, penentuan terhadap maslahah dan mudarat ini tetap memerlukan pertimbangan daripada neraca syarak sebagai pemandu supaya tidak wujud sebarang ruang untuk dieksloitasi oleh mereka yang jahil.

Meraikan perubahan masa, peristiwa dan lokaliti. Hukum Islam itu bersifat tegas dan tetap pada prinsip namun masih mempunyai elemen keanjalan pada aspek pendekatannya.<sup>27</sup> Hukum yang dahulunya menjadi penyelesai

<sup>24</sup> Alī bin Ḥasan al-Ḥalabī (2005), *Fiqh al-Waqī’ bayna al-Naṣāriyyah wa al-Taṭbīq*, Kaherah: Maktabah Abdullah al-Musawwir, 22.

<sup>25</sup> Yūsuf al-Qardāwī (1998), *al-Ijtihād al-Mu’āṣir bayna al-Indībāt wa al-Infirāt*, Beirut: Maktabah al-Islami, 97.

<sup>26</sup> Ibrāhīm bin Mūsa al-Syaṭībī (1997), *al-Muwāfaqāt*, Arab Saudi: Dar Ibn Affan, 4.

<sup>27</sup> Yūsuf al-Qardāwī (2004), *Dirāsah fī Fiqh Maqāṣid al-Šyarī’ah bayna al-Maqāṣid al-Kulliyah wa al-Nuṣūṣ al-Juz’iyyah*, Mesir: Dar al-Syuruq, 191.

masalah yang berkesan dalam suasana zaman tertentu mungkin akan berubah sifatnya selepas mengalami perubahan masa, lokasi dan keadaan sehingga hukum yang lampau itu tidak lagi mampu merealisasikan maksud sebenar syarak. Bahkan pengekalan terhadap hukum atau ijtihad yang lampau itu mungkin boleh menimbulkan kesulitan kepada manusia serta menyalahi kaedah-kaedah syariat Islam.<sup>28</sup> Justeru, atas sebab inilah penetapan sesuatu hukum perlu disokong dengan penelitian kepada realiti semasa yang berlaku dalam masyarakat

Meneliti perjalanan dan pengamalan ‘uruf dan adat dalam sesebuah masyarakat. ‘Uruf merupakan sebahagian daripada entiti dalam kehidupan manusia. Namun begitu, hanya ‘uruf yang sahih dan menepati kaedah syarak sahaja boleh dijadikan sandaran dalam penetapan fatwa. Fatwa yang tidak mengambil kira sesuatu ‘uruf yang masyhur boleh membawa kepada kekeliruan dan kepayahan dalam kalangan masyarakat. Ini kerana tradisi yang berbeza memerlukan kepada ulasan hukum yang bersesuaian dengan perjalanan tradisi tersebut. Kejumudan dengan memakai sepenuhnya nas-nas dan petikan dari kitab-kitab dahulu tanpa memberi ruang kepada pemahaman terhadap ‘uruf semasa merupakan suatu bentuk kesesatan dalam agama serta kejahanan terhadap maksud para ulama Islam.<sup>29</sup>

Oleh itu, berdasarkan penjelasan tersebut, maka dapat dirumuskan bahawa seseorang mufti memerlukan dua jenis kemahiran dalam proses penetapan hukum iaitu pemahaman yang baik berkaitan situasi dan latar belakang bagi masalah yang sedang dikaji dan diperhalusi dan kemudiannya penetapan hukum yang berkaitan dengan masalah tersebut secara meraikan segala objektif-objektif utama Syariah Islam. Sebagai tambahan, seorang mufti juga perlu memahami setiap aspek yang bersangkutan dengan kehidupan dunia dan akhirat, memahami perbezaan kebenaran dan kepaluan, perselisihan dan pertentangan, manfaat dan mudarat serta memahami realiti yang melingkari persekitaran manusia serta adat kebiasaan bagi memandunya dalam mengeluarkan hukum yang mampu menepati maksud syarak serta meraikan kepentingan masyarakat setempat.<sup>30</sup>

## ANALISIS FATWA BERKAITAN NON MUSLIM

Sekiranya disoroti fatwa-fatwa yang telah dikeluarkan oleh pihak Majlis Fatwa Kebangsaan, kita akan mendapati bahawa banyak persoalan berkaitan non muslim yang telah dibangkitkan. Namun, dalam kajian ini, hanya tiga fatwa sahaja yang akan diteliti iaitu membabitkan persoalan penggunaan kalimah

<sup>28</sup> Muṣṭafa Aḥmad al-Zarqā’ (1998), *al-Madkhāl al-Fiqh al-‘Ām*, Damsyik: Dar al-Qalam, 102.

<sup>29</sup> Aḥmad bin ‘Idrīs al-Qarāfī (1998), *al-Furūq ‘Anwār al-Burūq fi ‘Anwār’ al-Furūq*, Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 175.

<sup>30</sup> Aḥmad bin ‘Alī al-Khāṭib al-Baghdādī (t.t), *al-Fāqih wa al-Mutafagquh*, Damsyik: Maktabah al-‘Ilmiyyah, 158.

Allah (akidah), keterlibatan peguam non Muslim sebagai peguam Syariah (perundangan) serta keharusan sambutan perayaan agama selain Islam (kemasyarakatan)

### Penggunaan Kalimah Allah

Isu ini telah mula menjadi polemik berikutan tindakan pihak Catholic Herald Weekly yang mencabar larangan yang dikeluarkan oleh pihak Kementerian Dalam Negeri (KDN) berhubung penggunaan kalimah Allah dalam penerbitan mereka di mahkamah. Oleh itu, Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-82 yang bersidang pada 5 - 7 Mei 2008 telah memutuskan bahawa lafaz Allah merupakan kalimah suci yang khusus bagi agama dan umat Islam dan ia tidak boleh digunakan atau disamakan dengan agama-agama bukan Islam lain. Oleh itu adalah wajib bagi umat Islam untuk menjaga kehormatan dan kesucian kalimah ini dengan sebaik mungkin di mana sekiranya unsur-unsur penghinaan atau penyalahgunaan terhadap kalimah tersebut mula timbul, maka ia perlu disekat mengikut peruntukan undang-undang yang telah termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan.<sup>31</sup>

Walaupun pandangan yang mengharuskan dilihat sedikit dominan berhubung isu ini berdasarkan nas-nas al-Quran yang *qat’i*<sup>32</sup> dan dengan melihat kepada realiti penggunaan kalimah ini dalam kalangan orang Arab, namun berpandukan pula kepada realiti semasa di Malaysia, status keharusan ini wajar dinilai kembali, iaitu dengan melihat kepada keperluan dan kepentingan umat Islam di Malaysia itu sendiri. Tindakan pihak pemerintah mengharamkan penggunaan ini dilihat lebih hampir kepada maksud dan objektif syarak. Begitu juga pendirian ini dilihat begitu selaras dengan peranan pemerintah dalam menjaga kemaslahatan umat Islam dari segala perkara yang boleh membawa kepada kekeliruan dan kecelaruan.<sup>33</sup> Ini kerana, di dalam isu kalimah Allah ini, antara maslahah dakwah yang ingin dicapai, jika dibandingkan dengan mudarat kekeliruan yang boleh menimpa umat Islam, maka mudarat kekeliruan ini dilihat lebih utama dan penting untuk dihilangkan kerana isu ini berkait rapat dengan kepentingan umat Islam itu sendiri.<sup>34</sup>

<sup>31</sup> “Isu Tuntutan Penganut Kristian Terhadap Penggunaan Kalimah Allah,” JAKIM, diakses pada 02 Februari 2015, <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-kebangsaan/isu-tuntutan-penganut-kristian-terhadap-penggunaan-kalimah-allah>.

<sup>32</sup> Rujuk Surah al-Zumar ayat 3, Surah Yūnus ayat 18, Surah al-Ankabūt ayat 63, Surah al-An’ām ayat 136, Surah al-Zukhruf ayat 87-88 dan Surah al-Isrā’ ayat 42.

<sup>33</sup> Ini berdasarkan kaedah yang ditetapkan oleh para ulama Usul al-Fiqh على الرعية منوط بالصالحة iaitu Keputusan pemerintah terikat dengan kemaslahatan rakyatnya. Rujuk Jalāl al-Dīn bin ‘Abd al-Rahman al-Suyūṭī, *al-Asybāh wa al-Naza’ir fi Qawā’id wa Furu’ Fiqh al-Šyāfi’iyyah* (Makkah: Maktabah al-Sa’udiyah, 1997), 121.

<sup>34</sup> Ini berdasarkan kaedah درء المفاسد أولى من جلب المصالح iaitu menghindari kemudaratan lebih utama daripada mencapai kemaslahatan. Rujuk al-Suyūṭī. *ibid.*, 87.

Selain itu, penggunaan kalimah Allah dalam teks Bible berbahasa Melayu ini bukanlah merupakan keutamaan bagi para penganut Kristian kerana teks bahasa Inggeris mereka telah sekian lama menggunakan perkataan *God* sebagai merujuk kepada Tuhan. Maka, bantahan yang dikemukakan oleh umat Islam mempunyai asas yang kukuh di samping tiadanya bukti yang sah lagi kukuh bagi mendukung dakwaan mereka bahawa kalimah Allah ini telah digunakan sejak sekian lama oleh pihak Kristian di nusantara. Justeru, keputusan oleh kerajaan Malaysia ini juga boleh dilihat sebagai langkah pembendungan awal daripada berlakunya kekeliruan dalam kalangan umat Islam, iaitu berdasarkan kaedah Usul fiqh (سد الذرائع) iaitu menutup sebarang jalan dan ruang yang boleh membawa kepada kerosakan dan kekeliruan dalam kalangan umat Islam.

### Non Muslim Memasuki Masjid

Malaysia sebagai negara yang berbilang agama memperlihatkan semangat toleransi yang tinggi antara masyarakatnya. Masjid sebagai pusat ibadah utama umat Islam sering menerima kunjungan daripada golongan penganut bukan Islam sama ada bagi tujuan yang diharuskan Islam. Oleh itu, Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-90 yang bersidang pada 1 Mac 2010 telah memutuskan bahawa pelancong bukan Islam diharuskan memasuki masjid dan ke bahagian ruang solat dengan syarat mendapat keizinan pihak pengurusan masjid dan perlakuan serta tingkah laku mereka hendaklah tidak mencemarkan kesucian masjid dan sentiasa terkawal dan beradab.<sup>35</sup> Walau bagaimanapun, perbuatan berdoa atau bertafakur oleh pelancong bukan Islam mengikut cara agama mereka dalam keadaan yang boleh menimbulkan fitnah adalah dilarang.

Umat Islam sememangnya memiliki sensitiviti yang tinggi berkaitan urusan ibadat serta segala aspek yang berkaitan dengannya termasuklah masjid sebagai pusat perjalanan ibadah yang utama. Sebahagian ulama mengharamkan secara mutlak<sup>36</sup> bagi non Muslim yang ingin memasuki mana-mana masjid bersandarkan kepada dalil larangan bagi golongan kafir memasuki Masjid al-Haram<sup>37</sup> serta larangan menghampiri masjid bagi mereka yang berada dalam keadaan junub.<sup>38</sup> Sebahagian yang lain pula mengharuskan dengan syarat perlu

<sup>35</sup> Hukum Pelancong Bukan Islam Memasuki Masjid Dan Ruang Solat Utama Di Dalam Masjid, JAKIM. Diakses pada 2 Februari 2016, <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-kebangsaan/hukum-pelancong-bukan-islam-memasuki-masjid-dan-ruang-solat-utama-di-dalam-masjid>.

<sup>36</sup> Antara yang mengharamkan adalah Imam Mâlik serta Imam al-Muzâñî manakala Imam Hanafi mengharuskannya secara mutlak bagi semua masjid. Imam Syâfi’î pula mengharuskan bagi semua masjid selain masjid al-Haram. Lihat Ahmad bin ‘Alî bin Hajar al-‘Asqalânî (2001), *Fath al-Bârî Syarh Saîh al-Bukhârî*, Kitab al-Solat, Bab Dukhûl al-Musyrik al-Masjid, no. 462, Riyad: Maktabah al-Mâlik Fahd al-Wataniyyah, 667.

<sup>37</sup> Lihat Surah al-Taubah ayat 28.

<sup>38</sup> Imam al-Mawardî memetik perkataan Imam al-Muzâñî bahawa apabila seseorang Muslim yang berjunub tidak dibenarkan menetap di dalam masjid sewaktu berjunub, maka golongan non Muslim lebih utama untuk dilarang kerana mereka dikira sentiasa berjunub. Lihat ‘Alî bin Muhammad bin Ḥâbîb al-Mawardî (1994), *al-Hâwî al-Kâbir fî Fiqh al-Imâm al-Syâfi’î*, Beirut: Dar al-Kutub ‘Ilmiyyah 2: 68.

mendapatkan keizinan daripada pengurusan masjid terlebih dahulu.<sup>39</sup> Maka, pandangan yang mengharuskan menurut pemerhatian penulis, dilihat lebih meraikan realiti semasa di Malaysia sebagaimana tindakan Rasulullah SAW mengikat seorang lelaki musyrik bernama Thumāmah bin ‘Uthāl dari kabilah Bani Hanīfah di tiang masjid Nabawi bagi memperlihatkan amalan dan cara hidup orang Islam. Tindakan ini akhirnya membuka hati beliau untuk memeluk Islam setelah terpesona dengan akhlak dan perilaku umat Islam.<sup>40</sup> Selain itu, Baginda SAW juga secara jelas telah memperlihatkan tahap toleransi yang tinggi apabila menerima kunjungan satu delegasi Kristian daripada Najran ke Masjid Nabawi bagi berdialog dan mendapatkan penjelasan mengenai Islam.<sup>41</sup> Layanan dan bantuan yang selayaknya telah diberikan kepada pihak delegasi ini sehinggalah mereka meninggalkan masjid tersebut. Maka, hal ini sudah cukup menjadi hujah mewajarkan keharusan bagi golongan non Muslim untuk menziarahi dan memasuki kawasan masjid.

Justeru, keputusan fatwa ini dilihat lebih meraikan realiti semasa di Malaysia kerana ia lebih dekat dengan objektif syarak dan memenuhi kepentingan dan semangat meninggikan syiar Islam itu sendiri. Menjadi harapan agar keindahan ajaran Islam mampu diterjemahkan kepada golongan non Muslim yang hadir ke masjid dengan memperlihatkan sendiri tatacara hidup umat Islam serta mampu merungkaikan segala kekeliruan dan salah faham yang melingkari mereka selama ini. Mungkin dalam sesi lawatan tersebut pihak masjid dapat memberikan risalah-risalah yang berguna mengenai agama Islam dan menyediakan pegawai masjid yang berautoriti untuk bersoal-jawab mengenai sebarang persoalan Islam yang mereka timbulkan. Walau bagaimanapun, mereka masih perlu terikat dengan syarat-syarat serta garis panduan lawatan sebagaimana yang ditetapkan oleh pihak pengurusan masjid yang terabit.

### Non Muslim sebagai Peguam Syarie

Isu ini timbul berikutan tindakan seorang pengamal perundangan, Victoria Jayaseele Martin mempertikaikan tindakan Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan yang enggan memproses permohonannya untuk mendaftar sebagai peguam syariah. Kontroversi timbul apabila pihak mahkamah Rayuan Putrajaya memutuskan MAIWP bertindak di luar batas undang-undang apabila enggan memproses permohonan Victoria untuk beramal sebagai peguam syariah. Maka, bagi mengelakkan perkara ini daripada terus menjadi polemik, Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam

<sup>39</sup> Al-‘Asqalānī, *Fath al-Bārī Syarḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, 668.

<sup>40</sup> *Ibid.*

<sup>41</sup> Muhammad Sa’īd Ramaḍan al-Būṭī (2010), *Fiqh al-Sīrah al-Nabawiyah*, Damsyik: Dar al-Fikr, 316.

Malaysia Kali Ke-92 yang bersidang pada 15-17 Disember 2010 telah bahawa orang bukan Islam adalah tidak dibenarkan dilantik sebagai Peguam Syarie.<sup>42</sup>

Walaupun sebahagian ulama mengharuskan peranan non Muslim sebagai wakil dalam urusan pembelaan dan perundangan<sup>43</sup> (dalam konteks ini sebagai peguam syarie) di samping peruntukan yang tidak seragam berhubung syarat beragama Islam sebagai pengamal perundangan Syariah di Malaysia,<sup>44</sup> namun larangan keterlibatan tersebut dilihat lebih menepati realiti dan kepentingan semasa umat Islam di Malaysia. Sistem perundangan di negara kita melibatkan dua model set undang-undang iaitu sivil yang melibatkan semua rakyat serta syariah yang hanya melibatkan umat Islam sahaja. Kekeliruan bakal timbul sekiranya orang bukan Islam dibiarkan berterusan mencampuri persoalan dan perbahasan berkaitan dengan umat Islam dan hukum Islam itu sendiri lebih-lebih lagi tugas yang begitu penting perlu dimainkan oleh para peguam ini dalam membantu para hakim mendapatkan fakta dan bukti yang sebahagian besarnya sudah pasti melibatkan penggunaan nas-nas syarak serta disiplin ilmu Islam. Di samping itu, peruntukan undang-undang yang sedia ada juga menunjukkan bahawa peguam Syarie yang non Muslim tidak boleh dikenakan sebarang tindakan jika didapati melanggar etika dan prosedur perundangan berkaitan Mahkamah Syariah kerana golongan ini tidak tertakluk kepada bidang kuasa mahkamah Syariah.<sup>45</sup> Hal ini sudah pasti menimbulkan masalah ketidakadilan apabila ada pihak yang berpotensi untuk menyalahgunakan kedudukan sebagai peguam Syarie nanti. Maka, keputusan fatwa tersebut dilihat cukup penting dalam menjaga kepentingan agama Islam dan penganutnya berdasarkan realiti semasa di Malaysia.

## KESIMPULAN

Islam adalah agama yang sentiasa menitikberatkan kesejahteraan hidup manusia secara keseluruhan. Hubungan yang baik antara Muslim dan non Muslim adalah antara perkara pokok yang sentiasa diberikan keutamaan dan perhatian di dalam sebuah pemerintahan Islam. Malah ini adalah antara isu-isu besar yang banyak dibahaskan oleh para ulama. Malaysia sebagai sebuah negara yang meletakkan Islam sebagai agama rasminya sentiasa ingin memastikan hubungan yang baik dan harmoni antara Muslim dan non Muslim.

Dalam konteks ini walaupun pada dasarnya, penubuhan Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia dan

<sup>42</sup> Hukum Melantik Orang Bukan Islam Sebagai Peguam Syarie. JAKIM. Diakses pada 3 Februari 2016 <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-kebangsaan/hukum-melantik-orang-bukan-islam-sebagai-peguam-syarie-e>

<sup>43</sup> Hal ini dibincangkan secara lanjut di bawah perbahasan bab Wakālah. Lihat ‘Abd Allah bin Ahmad bin Qudamah (1997), *al-Mughnī*, Riyad: Dar ‘Alim al-Kutub, 199.

<sup>44</sup> Negeri yang mensyaratkan peguam syarie mestilah beragama Islam hanyalah Kelantan, Terengganu, Pahang, Wilayah Persekutuan, Melaka, Kedah dan Johor. Lihat Mad Zawawi bin Abu Bakar (2003), *Isu-Isu Peguam Syarie di Malaysia*, *Jurnal Syariah* 11, 118-119.

<sup>45</sup> *Ibid.*

Jawatankuasa Fatwa Negeri-Negeri ditubuhkan bagi menyelesaikan permasalahan umat Islam, namun secara tidak langsung, badan-badan ini turut terbabit membicarakan mengenai persoalan hubungan antara masyarakat Muslim dan non Muslim sesuai dengan kedudukan Malaysia yang memiliki masyarakat berbilang kaum dan agama. Maka, elemen realiti semasa yang diraikan dan diterapkan dalam fatwa, walaupun mungkin tidak mampu meredakan ketegangan dan ketidakpuasan hati pihak-pihak yang terbabit secara keseluruhan, namun adalah jelas bahawa ianya mampu memperlihatkan keanjalan Islam dalam menyelesaikan permasalahan-permasalahan semasa menurut kerangka nas syarak dan realiti masyarakat. Malah, keputusan-keputusan fatwa yang diputuskan itu adalah jelas, menurut pemerhatian penulis, bertujuan untuk memelihara maslahah umat Islam dan juga kepentingan hubungan yang baik lagi harmoni antara Muslim dan non Muslim.

## BIBLIOGRAFI

- ‘Abd Allah bin Ahmad bin Qudamah, *al-Mughnī* (Riyād: Dar ‘Alim al-Kutub, 1997).
- ‘Abd al-Majid al-Najār, *Fi Fiqh al-Tadyīn Fahman wa Tanzīlan* (t.tp: Dar Akhbar al-Yaum, 1989).
- Ahmad Hidayat Buang, “Analisis Fatwa-Fatwa Semasa Syariah di Malaysia,” *Jurnal Syariah* 10/1 (2002).
- Al-‘Asqalāni, Ahmad bin ‘Alī bin Ḥajar, *Fath al-Bārī Syarḥ Ṣahīh al-Bukhārī* (Riyad: Maktabah al-Malik Fahd al-Wataniyyah, 2001).
- Al-Baghdādī, Ahmad bin ‘Alī al-Khāṭib, *al-Fāqih wa al-Mutafaqquh* (Damsyik: Maktabah al-Ilmiyyah, t.t).
- Al-Būtī, Muhammad Sa’īd Ramaḍān, *Fiqh al-Sīrah al-Nabawiyyah* (Damsyik: Dar al-Fikr, 2010).
- Al-Halabī, ‘Alī bin Ḥasan, *Fiqh al-Waqī’ bayna al-Nazariyyah wa al-Taṭbiq* (Kaherah: Maktabah ‘Abdullah al-Muṣawwir, 2005).
- al-Qarāfī, Ahmad bin Idrīs, *al-Furūq Anwār al-Burūq fi Anwā’ al-Furūq* (Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1998).
- al-Suyūṭī, Jalāl al-Dīn bin ‘Abd al-Rahmān, *al-Asybāh wa al-Naẓa’ir fī Qawā’id wa Furū’ Fiqh al-Syāfi’iyyah* (Makkah: Maktabah al-Sa’udiyah, 1997).

al-Syātībī, Ibrāhīm bin Mūsa, *al-Muwāfaqāt* (Arab Saudi: Dar Ibn ‘Affan, 1997).

al-Zarqā’, Mustafā Ahmād, *al-Madkhal al-Fiqh al-Ām* (Damsyik: Dar al-Qalam, 1998).

Mad Zawawi bin Abu Bakar, Isu-Isu Peguam Syarie di Malaysia, *Jurnal Syariah* 11/2 (2003).

Mahmood Zuhdi Ab Majid, “Fatwa dan Isu Semasa: Masalah dan Cabaran di Malaysia,” *Jurnal Syariah* 12/2 (2004).

Rumaizi bin Ahmad, “Isu-Isu berkaitan Masyarakat Bukan Islam dalam Fatwa di Malaysia,” dalam *Fiqh Masyarakat Bukan Islam di Malaysia*, ed. Abdul Karim Ali dan Rumaizi Ahmad (Shah Alam: Imtiyaz Multimedia & Publication, 2011).

Yūsuf al-Qardāwī, *al-Ijtihād al-Mu’āṣir bayna al-Indibāt wa al-Infirāt* (Beirut: Maktabah al-Islami, 1998).

Yūsuf al-Qardāwī, *Dirāsah fi Fiqh Maqāṣid al-Syārī’ah bayna al-Maqāṣid al-Kulliyyah wa al-Nuṣūṣ al-Juz’iyyah* (Mesir: Dar al-Syuruq, 2006).

## Laman Web

Isu Tuntutan Penganut Kristian Terhadap Penggunaan Kalimah Allah,” JAKIM, diakses pada 02 Februari 2015, <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-kebangsaan/isu-tuntutan-penganut-kristian-terhadap-penggunaan-kalimah-allah>

Hukum Pelancong Bukan Islam Memasuki Masjid Dan Ruang Solat Utama Di Dalam Masjid, JAKIM. Diakses pada 2 Februari 2016, <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-kebangsaan/hukum-pelancong-bukan-islam-memasuki-masjid-dan-ruang-solat-utama-di-dalam-masjid>.

Hukum Melantik Orang Bukan Islam Sebagai Peguam Syarie. JAKIM. Diakses pada 3 Februari 2016 <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-kebangsaan/hukum-melantik-orang-bukan-islam-sebagai-peguam-syarie>